



JOHARI (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan bakul makanan kepada penduduk di Masjid Al-Aqram, Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur semalam. – SYAKIR RADIN

Perlu ada kemampuan kewangan bangun projek di KL

Semak latar belakang syarikat pemaju

Oleh **AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI**

PETALING JAYA – Pemaju yang mahu membangunkan sesebuah projek terutamanya di sekitar ibu kota perlu memenuhi kriteria ditetapkan termasuk kemampuan dari segi kewangan.

Menegaskan perkara itu, Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, beliau akan meminta pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk meneliti perkara itu.

Mengambil contoh pembangunan Pasar Datuk Keramat yang gagal dibangunkan selepas lebih enam tahun, ia telah menimbulkan pelbagai isu termasuk kerosakan infrastruktur.

“Saya dah pesan kepada DBKL pada masa hadapan mana-mana orang hendak ambil tanah di Kuala Lumpur ini kena semak

latar belakang syarikat tersebut. Kedua adalah kedudukan kewangan dan ketiga adalah soal bagaimana mengendalikan soal pemindahan di kawasan.

“Kalau tiga-tiga kriteria ini tidak dipenuhi, tidak boleh bagi tanah sebabnya jadilah masalah dihadapi ini. Sudah enam tahun lebih dia (pemaju) tidak berbuat apa-apa.

“Apabila berlaku kerosakan, nak suruh DBKL, DBKL cakap bukan tanah mereka lagi. Jadi berharap pada masa akan datang apa-apa tanah yang dibangunkan kena penuhi kriteria ini,” katanya ketika ditemui selepas Program Santuni Madani di Masjid Al-Akram, Datuk Keramat, di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi berkata, projek pembangunan Pasar Datuk Keramat sepatutnya dilaksanakan oleh

pemaju tersebut, namun gagal menyelesaikan isu berbangkit termasuk pemindahan para peniaga.

“Hendak menyelesaikan masalah pasar pun tidak boleh selesai. Kita tidak boleh buat projek pembangunan, nak halau peniaga yang lebih 30 hingga 40 tahun berniaga di situ. Jadi ia kena situasi menang-menang. Sebab itu saya tekankan dalam soal ini,” katanya.

Johari menambah, mana-mana pemaju yang berhasrat membangunkan Pasar Datuk Keramat bukan sahaja dilihat daripada kemampuan syarikat, namun perlu mengambil kira masa depan para peniaga terlibat.

Tambahnya, DBKL telah mengambil tanah Pasar Datuk Keramat daripada pemaju tersebut dengan duit telah dipulangkan sebab mereka tidak boleh bayar dan melaksanakan projek.